

# Tak semua R&D dizahir bentuk produk

BH 15-10-2014 6

**Kota Kinabalu:** Bukan semua hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) universiti dapat dizahirkan dalam bentuk produk atau perkhidmatan terutama kajian dalam bidang kemanusiaan yang lebih tertumpu kepada penyelesaian sesuatu isu.

Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Ramzah Dambul, berkata takrifan komersial yang dikaitkan dengan R&D universiti tidak harus dilihat dalam bentuk produk atau perkhidmatan semata-mata kerana hasilnya lebih meluas.

Oleh itu, beliau berkata, adalah tidak adil menuduh pihak universiti hanya ghairah menjalankan sebanyak mungkin kajian sedangkan hasil yang



*Dr Ramzah Dambul*

boleh dikomersialkan terlalu kecil.

"Kita tidak boleh melihat kejayaan mengkomersialkan R&D hanya dalam bentuk menjual produk kerana bukan semua hasil kajian yang di-

jalankan penyelidikan di universiti boleh dijadikan produk.

"Sebagai contoh, hasil kajian berkaitan isu kemiskinan di Sabah tidak menjurus kepada penghasilan produk tetapi lebih kepada untuk kegunaan pembuat dasar dan ia juga disenaraikan dalam kajian R&D universiti.

"Bagi saya, maklumat yang dikumpul dalam kajian berkenaan dan dibentangkan kepada agensi yang berkaitan sebagai rujukan untuk menyelesaikan isu kemiskinan di Sabah juga boleh dianggap sebagai sudah dikomersialkan," katanya kepada BH.

Ramzah berkata, tempoh kajian yang terlalu panjang hingga berpuluh tahun terutama dalam bidang sains turut

menghalang pihak universiti mengkomersialkan setiap hasil R&D dalam tempoh disasarkan.

"Contohnya kajian untuk menghasilkan ubat bagi menyembuhkan kanser mengambil masa 20 hingga 30 tahun. Disebabkan tempoh yang panjang itu, pihak industri susah untuk melabur bagi mengkomersialkan hasil R&D berkenaan.

"Jika hasil R&D dapat dihasilkan dalam tempoh yang singkat pula, proses pemindahan teknologi daripada penyelidikan kepada industri juga mengambil masa kerana banyak prosedur perlu dipatuhi dan selalunya tidak selesai dalam tempoh setahun dua," katanya.